

2 |Tempatan

Dewan perniagaan Labuan bantah peraturan baharu Kastam

LABUAN: Lima dewan perniagaan di sini, pada Jumaat, sebulat suara bersetuju mengumpulkan sekurang-kurangnya 20,000 tandatangan untuk membantah peraturan dan dasar baharu jabatan kastam bagi kedai bebas cukai dan aliran keluar kenderaan berdaftar di Labuan ke Sabah.

Dewan-dewan tersebut ialah Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Labuan (DPMML), Dewan Perniagaan Tiong Hua Labuan, Dewan Perniagaan India Labuan, Dewan Perniagaan dan Industri Kadazan-Dusun (KCCI) Labuan dan Dewan Perniagaan Islam Melayu Labuan.

Presiden DPMML Datuk Yussof Mohammad berkata kempen tanda tangan itu akan bermula Jumaat sehingga bulan depan dan akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum akhir tahun.

"Sebagai mewakili komuniti perniagaan, kami membantah peraturan dan dasar yang baru dikuatkuasakan yang menjejaskan dengan teruk pemilik kedai bebas cukai dan ekonomi Labuan," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat luar biasa dewan-dewan tersebut di Pejabat Dewan Perniagaan Tiong Hua, di sini.

Jabatan Kastam Diraja Labuan menempatkan pegawai penguatkuasaannya di semua 20 kedai bebas cukai berlesen di seluruh pulau itu sejak peraturan baharu tersebut dilaksanakan pada 1 November untuk memantau penjualan rokok dan minuman beralkohol.

Pelanggan yang mahu membeli rokok atau arak bagi sebarang kuantiti dikehendaki menunjukkan kad pengenalan untuk direkodkan oleh pegawai jabatan kastam.

Kedai bebas cukai di Lapangan Terbang Labuan pula dikehendaki menjual dua barangan (rokok dan arak) hanya kepada pengunjung yang mempunyai pas penerbangan.

"Peraturan baharu itu menakutkan pelanggan yang seterusnya menjejaskan aktiviti perniagaan," kata Yussof.

Presiden Dewan Perniagaan Tiong Hua Labuan Datuk Wong Kee Yee berkata peraturan itu tidak boleh dilaksanakan memandangkan ekonomi suram Labuan yang terjejas teruk akibat penurunan harga minyak dunia yang menyebabkan kelembapan sektor minyak dan gas.

Naib Presidennya Arthur Kong berpendapat peraturan kastam itu akan menjejaskan industri pelancongan. - Bernama